

## PROGRAM LATIHAN ELIT Melonjakkan Mutu Sukan Negara

Setelah Sukan Olimpik di Rio de Janeiro, Brazil, melabuhkan tirainya, ternyata rakyat Malaysia akur bahawa belum tiba masanya negara meraih pingat yang dinanti-nantikan – pingat emas! Meskipun detik manis itu hampir-hampir untuk digenggam, genggamannya pihak lawan ternyata lebih berbisa.

RIDHWAN MOHD



“Ketika saya berada di Dataran Putrajaya untuk menyaksikan perlawanan akhir badminton antara Dato’ Lee Chong Wei dengan Chen Long, saya dapat merasakan semangat luar biasa daripada rakyat Malaysia. Mungkin belum tiba masanya untuk kita melihat kilauan emas, tetapi apa-apa yang saya saksikan amat menyentuh hati saya. Seluruh negara bersatu memberikan sokongan dan harapan untuk melihat pingat emas pertama Olimpik dibawa pulang ke tanah air.

“Walaupun lagu *Negaraku* tidak berkumandang di podium, sorakan seluruh negara bergema. Saya masih ingat wajah kecewa Dato’ Chong Wei selepas perlawanan

akhir, namun tiada apa-apa yang perlu dikesalkan. Sesungguhnya beliau melakukan usaha yang terbaik untuk menggalas harapan Malaysia. Bukan sekali, tetapi tiga kali melangkah ke pertandingan akhir Olimpik berturut-turut bagi merealisasikan impian rakyat Malaysia. Ketahuilah semangat juang anda jauh lebih bermakna daripada segala pingat yang ada,” luah Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, menerusi catatan di blognya pada 23 Ogos lalu.

Ternyata apa-apa yang diluahkan oleh perdana menteri turut dirasakan oleh lebih daripada 30 juta orang rakyat Malaysia. Meskipun ada sekelumit kekecewaan, wira negara

yang berjaya membawa lima pingat untuk negara – Dato’ Lee Chong Wei, Goh V Shem, Tan Wee Kiong, Chan Peng Soon, Goh Liu Ying, Pandelega Rinong, Cheong Jun Hoong, dan Azizulhasni Awang – tetap juara di hati rakyat Malaysia.

Jika diimbangi kembali perjalanan atlet negara sepanjang penyertaan Olimpik sejak tahun 1956, Olimpik Rio mencatatkan pencapaian yang terbaik. Dengan meraih lima pingat, sudah pasti kejayaan ini memberikan lonjakan yang besar dalam sukan tempatan, khususnya bagi acara yang disasarkan pingat pada Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, menjelaskan bahawa pencapaian di Rio meletakkan landasan yang kukuh untuk Malaysia mencipta kejayaan yang lebih besar pada edisi Olimpik seterusnya. Malaysia juga tidak lagi terlalu bergantung pada satu jenis sukan sahaja untuk mendapatkan pingat emas, khususnya badminton.

Pada temasya Olimpik di Rio, Malaysia mendapat pingat menerusi tiga jenis sukan, iaitu badminton yang sebelum ini turut menyumbang pingat dalam edisi 1992, 1996, 2008 dan 2012, diikuti sukan terjun yang meraih pingat untuk dua edisi berturut-turut, serta kejayaan terbaharu menerusi acara berbasikal keirin. Pencapaian di Rio yang terbaik dalam sejarah penyertaan Malaysia dalam Sukan Olimpik, iaitu atlet negara menang lima pingat, iaitu empat perak dan satu gangsa. Menurut peratusan, berdasarkan saiz kontinjen Malaysia, iaitu 32 orang atlet, 25 peratus atlet memenangi pingat.

Apabila melihat pencapaian atlet negara di Rio, sudah pasti badminton, terjun, dan berbasikal masih menjadi taruhan utama negara untuk meraih pingat pada temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020. Tidak keterlaluan sekiranya kita meletakkan sasaran untuk meraih lebih daripada satu pingat menerusi sukan terjun. Sasaran yang demikian juga bagi sukan berbasikal.



Kontinjen ahli sukan negara diraikan dalam perarakan sambutan Hari Kebangsaan, 31 Ogos yang lalu.

**Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, menjelaskan bahawa pencapaian di Rio meletakkan landasan yang kukuh untuk Malaysia mencipta kejayaan yang lebih besar pada edisi Olimpik seterusnya. Malaysia juga tidak lagi terlalu bergantung pada satu jenis sukan sahaja untuk mendapatkan pingat emas, khususnya badminton.**

Tidak dilupakan juga bahawa acara sukan yang berpotensi meraih pingat, seperti memanah, menembak, dan pelayaran, perlu diberi sentuhan dan perancangan baharu bagi memastikan sukan tersebut turut dapat meraih pingat pada Olimpik Tokyo 2020. Malaysia turut mengintai peluang pingat menerusi karate yang merupakan antara sukan baharu yang akan dipertandingkan dalam Olimpik Tokyo.

### PROGRAM LATIHAN ELIT

Tidak banyak yang mengetahui bahawa pencapaian atlet negara pada hari ini banyak didorong oleh program latihan elit oleh Majlis Sukan Negara (MSN). Penglibatan serius kerajaan dalam pelaksanaan program latihan jangka panjang bermula sejak tahun 1993 melalui Program Jaya 1998, diikuti Program Gemilang 2001 dan 2002, Program Doha 2006, Program Cabaran 2010, Road To London 2012 dan Olimpik Rio 2016.

Program latihan atlet secara terancang dalam tempoh yang panjang serta bersistematik, saintifik, dan berintegrasi memberikan impak yang jelas dan berjaya menyediakan atlet negara yang berkualiti tinggi sehingga mencapai kejayaan cemerlang dalam pelbagai temasya serta kejohanan sukan yang lain.

Pelaksanaan program latihan jangka panjang ini juga ternyata memberikan kesan limpahan yang positif terhadap pencapaian atlet, terutama dalam beberapa kejohanan atau temasya yang disertai. Kesan yang lebih jelas dapat dilihat apabila atlet dalam program Sukan Komanwel dan Sukan Asia mula memenangi dan mendominasi acara mereka pada peringkat Asia Tenggara.

Namun begitu, setelah negara berjaya menjadi juara keseluruhan buat pertama kali dalam Sukan SEA 2001 dengan meraih sebanyak 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa, kejayaan pada peringkat serantau bukan lagi menjadi agenda utama buat kontinjen negara. Tumpuan lebih terarah kepada persediaan pada peringkat yang lebih tinggi, iaitu Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Pelbagai aktiviti dan kemudahan disediakan bagi memastikan atlet sentiasa menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam kejohanan yang disertai.

Penyertaan Malaysia dalam Sukan Olimpik bermula sejak tahun 1956, iaitu di Melbourne, Australia, dengan